

**1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Skema
Jawapan
Percubaan SPM 2013**

**PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

SKEMA JAWAPAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja (*Guru Bahasa Melayu Tingkatan 5 SMK Narinang sahaja*). Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa (*guru*). Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan tanpa izin Panitia Bahasa Melayu SMK Narinang, Kota Belud

Skema jawapan ini mengandungi **17** halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Skema jawapan rumusan “ Pendermaan Organ”.**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

- (a) **Isi** [20 markah]

Nota

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| Bahagian | Markah | | | | | | | | | | Markah |
|-----------------------------|--------|----|----|---|---|---|----|----|----|-----------|-----------|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | | | | | 2 |
| (ii) Isi tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 16 | |
| (iii) Isi Tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | | |
| (iv) Penutup/ Kesimpulan | | | | | | | | | | | 2 |
| Jumlah Markah | | | | | | | | | | | 20 |

[Lihat halaman sebelah

(b) **Bahasa** [10 *markah*]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan jadual berikut:

| Peringkat | Markah Isi | Markah Bahasa | Huraian Bahasa |
|------------------|--------------------|----------------------|--|
| Baik | 18 – 20 15 – 17 | 9 – 10 7 – 9 | - Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul |
| Sederhana | 12 – 14 8 – 11 | 6 – 7 4 – 6 | - Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan |
| Lemah | 1 – 7 | 1 – 4 | - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan |

Nota

- (i) Umumnya markah bahasa **50% markah isi**.
- (ii) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (iii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iv) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (v) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]

[Lihat halaman sebelah

| | | |
|--|--|-----------|
| Pendahuluan: | | |
| Petikan membincangkan faedah/ kebaikan/ kemaslahatan pendermaan organ di negara kita/ Malaysia | | 2m |
| Petikan membincangkan faedah/ kebaikan/ kemaslahatan pendermaan organ. | | 1m |
| Petikan membincangkan kepentingan pendermaan organ di negara kita/ Malaysia | | 0m |
| Isi Tersurat [kepentingan pendermaan organ- 4 hingga 12 markah] | | |
| S1 | dapat menghilangkan penderitaan yang ditanggung pesakit | 2m |
| S2 | doktor dapat menyelesaikan masalah perubatan pesakit | 2m |
| S3 | mbolehkan sistem badan pesakit dapat berfungsi secara normal | 2m |
| S4 | pembedahan pemindahan yang berjaya akan memberikan harapan baru kepada pesakit untuk terus hidup | 2m |
| S5 | kewujudan bank organ dapat direalisasikan di negara ini | 2m |
| S6 | pesakit tidak perlu menunggu lama untuk menjalani pembedahan | 2m |
| S7 | mengurangkan risiko kematian awal yang menghantui pesakit | 2m |
| S8 | dapat mengiktiraf kualiti dan kecekapan pakar perubatan tempatan | 2m |
| S9 | membuktikan betapa tingginya nilai kemanusiaan dalam diri kita | 2m |
| Isi Tersirat [Halangan untuk menderma organ - 4 hingga 12 markah] | | |
| T1 | sukar mendapat penderma | 2m |
| T2 | organ yang didermakan tidak bersesuaian dengan pesakit | 2m |
| T3 | kurang pemahaman rakyat tentang pendermaan organ menyebabkan mereka tidak mahu jadi penderma | 2m |
| T4 | bagi sesetengah orang menganggap pendermaan organ bertentangan dengan agama | 2m |
| T5 | kekhuatiran mendatangkan kesan sampingan kepada kesihatan penderma | 2m |
| Kesimpulan: | | |
| * terima mana-mana pilihan jawapan yang sesuai | | |
| 1. Kesimpulannya , semua pihak perlu menyokong saranan pendermaan organ di negara kita agar rakyat dapat hidup sejahtera. | | 2m |
| 2. Kesimpulannya , semua pihak hendaklah menyokong pendermaan organ di negara kita supaya dapat membantu pesakit yang memerlukannya. | | 2m |

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat** yang **sempurna/lengkap**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan **separuh (50%)** daripada **markah** yang **diperuntukkan** sahaja.
4. Jawapan bagi **Soalan 2(b)**, **2(c)** dan **2(d)** mestilah berdasarkan teks **Komponen Kesusasteraan Melayu** yang ditetapkan.

Soalan 2(a) - Petikan Umum**Panduan pemarkahan soalan 2 markah**

| Deskripsi | Markah |
|--|---------------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis. | 2 |
| - Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/ salah | 0 |

(i) maksud rangkai kata – *mengiktiraf kualiti* [Maksimum: 2m]

- menerima/mengesahkan/memperakui standard/piawaian/mutu

Panduan pemarkahan soalan 3 markah [2 isi sahaja]

| Deskripsi | Markah |
|--|---------------|
| - 2 isi yang relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| - 2 isi yang relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis - Isi kurang daripada 2 isi dan ayat gramatis. | 2 |
| - Isi kurang daripada 2 isi dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

(ii) **Tiga** perkara yang perlu dilakukan pakar bedah organ semasa melakukan pembedahan [Maksimum: 3m]

- P1: mendapatkan kebenaran daripada ahli keluarga atau waris terdekat penderma
- P2: organ yang dipindahkan tidak boleh dijadikan barang dagangan untuk urusan jual beli
- P3: pemilihan penderma dan pesakit yang tepat seharusnya diutamakan untuk mengelakkan kegagalan pemindahan organ dapat dielakkan

Panduan pemarkahan soalan 4 markah [3 isi sahaja]

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - 3 isi yang relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 4 |
| - 3 isi yang relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi kurang daripada 3 isi dan ayat masih gramatis. | 2 |
| - Isi kurang daripada 2 isi dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

(iii) Usaha-usaha yang perlu dilaksanakan untuk menyedarkan rakyat agar menderma organ
[Maksimum: 4m]

P1: memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kebaikan menderma organ.

P2: menyiarkan maklumat pesakit yang memerlukan pembedahan pemindahan.

P3: peranan media . televisyen menyiarkan program/dokumentari tentang pendermaan organ.

P4: meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang pendermaan organ.

P5: organ badan adalah milik Tuhan diberikan kepada kita hanyalah sebagai pinjaman

* terima mana-mana jawapan yang sesuai.

Soalan 2(b): Petikan cerpen

Panduan pemarkahan soalan 2 markah [2 isi sahaja]

| Deskripsi | Markah |
|---|--------|
| - 2 isi yang relevan dengan tugas, ayat gramatis | 2 |
| - 2 isi yang relevan dengan tugas, ayat kurang gramatis | 1 |
| - Kurang 2 isi yang relevan dengan tugas, ayat gramatis | |
| - Jawapan tidak tepat/ salah, ayat gramatis. | 0 |

(i) Perasaan Wah selepas mendengar rungutan Israk tentang makanan yang dihidangkan di atas meja:

P1- Wah terkedu

P2- Hati Wah luruh

P3- Wah berasa rendah diri

Panduan pemarkahan soalan 3 markah [3 isi sahaja]

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - 3 isi yang relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| - 3 isi yang relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis - Isi kurang daripada 3 isi dan ayat gramatis. | 2 |
| - Isi kurang daripada 3 isi dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

- (ii) Sekiranya saya Mikraj, perkara patut saya lakukan untuk menyedarkan Israk daripada keegoan dirinya ialah :

P1- Menasihati dengan berhemah

P2- Minta bantuan daripada orang yang lebih tua/berpengalaman

P3- Berjumpa dengan kaunselor

Nota: Rujuk Panduan pemarkahan soalan 4 markah [2m+2m= 4m]

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis. | 4 |
| - Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/ salah | 0 |

- (i) Huraikan **satu** perwatakan Israk yang terdapat dalam petikan dan **satu** perwatakan lagi daripada keseluruhan cerpen.

Perwatakan dalam petikan:

- Seorang yang biadap (1m) - Dia menyindir akan makanan yang dihidangkan sehingga menyebabkan hati Wah terluka (1m)
- Degil (1m) – Dia tidak menghormati Wah sebagai neneknya walaupun dinasihati oleh Mikraj (1m)

[2 markah]

Perwatakan keseluruhan petikan:

- Seorang yang ego dan sombong (1m) – Israk tidak selesa tinggal di kampung dan makan makanan kampung seperti jering dan petai (1m)
- Seorang yang insaf akan kesalahan diri (1m) – Israk sedar akan kesalahannya Setelah dia jatuh ke dalam sungai dan diselamatkan oleh Wah (1m)

[2 markah]

Soalan 2(c): Petikan Prosa Klasik.

Panduan pemarkahan soalan 2 markah

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis. | 2 |
| - Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/ salah | 0 |

- (i) Maksud rangkai kata *disegerakan pekerjaan* : [Maksimum: 2m]
- melaksanakan/menyiapkan/melaksanakan tugas/tanggungjawab/arahan/mandat

Panduan pemarkahan soalan 3 markah [3 isi sahaja]

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - 3 isi yang relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| - 3 isi yang relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis - Isi kurang daripada 3 isi dan ayat gramatis. | 2 |
| - Isi kurang daripada 3 isi dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

- (ii) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **tiga** tindakan menteri dan hulubalang setelah mereka mendengar suara laki-laki tertawa di atas mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi.

[3 markah]

P1- mereka bermesyuarat sesama mereka.

P2- memberitahu Raja Bahrum Dewa.

P3- melaporkan perkara itu kepada Raja Bahrum Dewa.

P4- menteri dan hulubalang akan bertindak mengikut arahan Raja Bahrum Dewa.

Panduan pemarkahan soalan 3 markah [3 isi sahaja]

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - 3 isi yang relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| - 2 isi yang relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis - Isi kurang daripada 2 isi dan ayat gramatis. | 2 |
| - Isi kurang daripada 2 isi dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

- (iii) Sekiranya saya Raja Bahrum Dewa, tindakan yang saya lakukan terhadap lelaki yang menceroboh ke Mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi ialah:

[3 markah]

P1- menyasat sebelum melakukan tindakan

P2- menangkap lelaki itu dan menyoal siasat tentang sebab-sebab lelaki itu menceroboh mahligai Tuan Puteri.

P3- menghukumnya dan memasukkannya ke dalam penjara supaya sedar akan perbuatannya itu salah di sisi undang-undang.

P4- memastikan lelaki itu benar-benar insaf akan perbuatannya.

Soalan 2(d) - Seloka

Panduan pemarkahan soalan 2 markah

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis. | 2 |
| - Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/ salah | 0 |

*Anak di pangku diletakkan,
Kera di hutan disusui*

(i) Apa yang dimaksudkan dengan baris-baris seloka di atas. [2 markah]

- menguruskan/mengutamakan hal orang lain sedangkan keluarga diabaikan/dipinggirkan/disisihkan

Panduan pemarkahan soalan 3 markah [3 isi sahaja]

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - 3 isi yang relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| - 2 isi yang relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis - Isi kurang daripada 2 isi dan ayat gramatis. | 2 |
| - Isi kurang daripada 2 isi dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

(ii) Sekiranya saya merupakan jiran kepada Emak Si Randang saya membantunya dengan cara:

P1- menasihatinya supaya bertindak rasional apabila menolong orang dagang

P2- menyediakan makanan kepada anaknya supaya tidak kelaparan

P3- menyuruh Emak Si Randang mengutamakan diri dan keluarga sebelum menolong orang dagang

P4- menasihati supaya mengurus hal rumah tangga secara berhemat tanpa boros

Nota: Rujuk Panduan pemarkahan soalan 4 markah [1m+1m + 1m + 1m = 4m]

| Deskripsi | Markah |
|--|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis. | 4 |
| - Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tapi ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan tidak tepat/ salah | 0 |

(iii) Huraikan **tema** seloka di atas. [4 markah]

- sikap masyarakat yang terlalu mengagungkan orang luar berbanding ahli keluarga sendiri (1m) – memasak nasi untuk orang dagang yang lalu di depan rumahnya (1m)
- merobohkan rumah untuk dijadikan kayu api (1m) - mengabaikan anak sendiri (1m) - berhutang untuk berbudi(1m)

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa/kata berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa/kata berkenaan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa/kata digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak ½ markah.

Soalan 3 (a)

| | |
|----------------|---|
| (i) gerangan | “Siapakah gerangan yang mengambil buku Sains saya tadi?” Fazrina bertanya kepada Syidah. |
| (ii) berangan | “Kenapakah kamu selalu berangan ketika berada di dalam kelas?” tanya Cikgu Munirah kepada Azmi. |
| (iii) barangan | Antara barangan yang tersenarai sebagai barangan kawalan di negara ini termasuklah gula dan tepung. |
| (iv) larangan | Larangan penggunaan telefon bimbit di sekolah telah dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. |
| (v) bayangan | YAB Perdana Menteri masih belum mendapat bayangan untuk membubarkan parlimen. |
| (vi) kayangan | Pada masa dahulu, banyak cerita yang mengaitkan keturunan raja dengan alam kayangan . |

Soalan 3(b)

- (i) Pak Mail akan menghadiri majlis perkahwinan cucunya pada bulan hadapan- 2m
Mak Kiah akan menghadiri majlis perkahwinan cucunya pada bulan hadapan- 2m
- (ii) Dia ingin melanjutkan pengajiannya di peringkat universiti-2m
Masalah kewangan menghantui pemikirannya-2m.
- (iii) Elden Joumin masuk ke dewan itu-2m
Elden Joumin duduk di barisan hadapan-2m

[6 markah]

- *Hanya jawapan ini sahaja yang diterima*

Soalan 3 (c)

- | | | | |
|-------|--------------|---------------|----|
| (i) | bekerja sama | - bekerjasama | 1m |
| | mengada | - mengadakan | 1m |
| (ii) | ko-kurikulum | - kokurikulum | 1m |
| | mengerat | - mengeratkan | 1m |
| (iii) | anti-biotik | - antibiotik | 1m |
| | menjalankan | - menjalani | 1m |

Soalan 3(d)

- | | | | |
|-------|--------------------|-----------------------------|----|
| (i) | membongkar | - mengatasi/menangani | 1m |
| | masa ke semasa | - semasa ke semasa | 1m |
| (ii) | julukan | - jolokan | 1m |
| | adalah | - ialah | 1m |
| (iii) | estet mini | - mini estet | 1m |
| | para petani-petani | - para petani/petani-petani | 1m |

Soalan 3(e)

- (i) Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul – 2m
- (ii) Seperti burung dalam sangkar, mata lepas badan terkurung – 2m
- (iii) Ukur baju di badan sendiri- 2m

[Lihat halaman sebelah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a)
- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
 - (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 - (iii) Beri 1 markah bagi **setiap pernyataan pengajaran** yang lengkap/jelas
 - (iv) Beri 1 markah bagi **setiap contoh pengajaran** yang lengkap
 - (v) Markah isi maksimum 4 markah
 - (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
 - (vii) Markah bahasa diberi secara impression

Baik – 3 markah

Sederhana – 2 markah

Lemah – 1 markah

- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

Pengajaran dalam novel Kabus di Perbukitan

- **Kita perlulah mempunyai jati diri yang teguh- 1m**
Contohnya, walaupun Faridah sudah 25 tahun tinggal di New Zealand, dia tetap mengingati dan menghargai tanah airnya, Malaysia- 1m
- **Kita perlulah gigih berusaha untuk mencapai kemajuan-1m**
Contohnya, Salmah dan Azrul gigih memajukan projek ternakan kambing dan tapak semaiannya hingga berjaya-1m
- **Sebagai ibu bapa, kita perlulah bertanggungjawab menjaga anak-anak-1m**
Contohnya, Salmah sanggup bekerja di sawah bagi menampung kehidupan bersama-sama anak kembarnya, Faridah dan Rahayu setelah Kamarudin meninggalkan mereka.1m
- **Sebagai penganut agama yang taat, kita hendaklah mematuhi ajaran dan tuntutan agama-1m**
Contohnya, Soleh menunaikan sembahyang di masjid pada setiap hari dan selalu menderma kepada badan kebajikan-1m
- **Kita perlu mengamalkan budaya bangsa kita-1m**
Contohnya, Faridah mengenakan baju kurung dan berselendang semenjak balik ke tanah air-1m

- **Kita sebagai seorang siswazah, janganlah terlalu mengharapakan tawaran kerja makan gaji sahaja-1m**
Contoh, Azrul bertekad untuk menjadi penternak kambing dan hasratnya itu dipersetujui oleh bapanya-1m

Pengajaran dalam novel Melunas Rindu

- **Kita mestilah mengamalkan sikap rajin kerana sikap ini akan memberikan manfaat kepada diri sendiri.- 1m**
Contohnya: berkat sikap rajin dan tekun Fuad mengajar di SMSS, akhirnya dia ditawarkan mengikuti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah yang akan membolehkan Fuad dilantik sebagai guru tetap dalam perkhidmatan kerajaan.-1m
- **Kita janganlah mengkhianati amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita-1m**
Buktinya, tindakan Cikgu Zamani yang suka ponteng kelas jelas memperlihatkan tindakan yang tidak bertanggungjawab sebagai seorang guru-1m
- **Kita hendaklah mengamalkan ajaran agama yang kita anuti dengan bersungguh-sungguh.-1m**
Buktinya, Fuad tidak sesekali meringankan tuntutan agama iaitu solat sungguhpun dia dalam keadaan berpergian (musafir)-1m

(b)

- Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari
- Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- Beri 1 markah untuk **pernyataan persamaan latar masyarakat** bagi novel.
- Beri 1 markah untuk setiap **huraian persamaan latar masyarakat** yang lengkap/jelas bagi setiap novel.
- Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- Markah bahasa maksimum 2 markah
- Markah bahasa diberi secara impression.

Baik – 2 markah

Lemah- 1 markah

- Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 markah

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, **huraikan persamaan latar masyarakat** yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut.

[8 markah]

Skema lengkap:

P1- Persamaan latar masyarakat dalam kedua-dua novel ialah masyarakat yang terdiri daripada orang Melayu- 1m

Novel Melunas Rindu terdapat masyarakat Melayu seperti Fuad, Pak Ismail, Mak Salmah, Awang Sojar dan Borhan.- 1m

Novel Kabus Di Perbukitan, terdapat orang Melayu seperti Faridah, Rahayu, Ghazali, Azrul, Kamarudin, dan Salmah-1m

P1- masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa-1m

Novel Melunas Rindu terdapat masyarakat yang pelbagai bangsa. Contohnya, Farhana, Mariana berbangsa Melayu manakala Robert Lim, Peter Lim, Swee Lan, Chin pula berbangsa Cina- 1markah

Novel Kabus di Perbukitan juga terdapat masyarakat yang pelbagai bangsa. Contohnya, Faridah, Rahayu berbangsa Melayu manakala Soleh Johnsons berbangsa Inggeris, Benny berketurunan Arab.-1markah

P1- Masyarakat yang mempunyai pelbagai kerjaya-1m

Novel Melunas Rindu, Farhana, Fuad, Cikgu Abas, Cikgu Zamani bekerja sebagai guru di Sekolah Menengah Seri Setia, manakala Robert Lim (bapa kandung Fuad) adalah seorang ahli perniagaan, Peter Lim (adik Robert Lim) pula bekerja sebagai pengawal keselamatan dan penoreh getah-1markah

Novel Kabus Di Perbukitan, Azrul adalah seorang usahawan yang berjaya dalam bidang penternakan sehingga mendapat anugerah gelaran Datuk, Kamarudin adalah bekas tentera yang berpangkat Mejar- 1 markah

P1- Masyarakat yang mengamalkan ajaran / cara hidup Islam-1markah

Novel Melunas Rindu, Fuad dan Pak Ismail sering sembahyang berjemaah di surau berdekatan rumah mereka-1 markah

Novel Kabus Di Perbukitan, Faridah merupakan seorang yang beriman. Dia bersolat Tahajud selepas mengalami mimpi Rahayu dan ibunya. Dia yakin akan berasa tenang selepas menunaikan solat sunat Tahajut-1m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT